

18 NOV 1999

Khalil-Mahathir

DR MAHATHIR PUAS HATI DENGAN BILIK GERAKAN BN

KUALA LUMPUR, 18 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berpuas hati dengan persiapan bilik gerakan Barisan Nasional (BN) dalam menghadapi pilihan raya umum 29 Nov ini.

Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob berkata, Dr Mahathir menyatakan rasa puas hatinya ketika melawat bilik gerakan itu di Tingkat 9 Menara Datuk Onn di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Khalil yang juga Pengarah Operasi Pilihan Raya BN ketika ditemui di bilik gerakan Wanita Umno di bangunan yang sama berkata, bilik gerakan itu akan digunakan untuk memantau situasi semasa mengenai persiapan pilihan raya.

Pemuda dan Wanita Umno sendiri turut menubuhkan bilik gerakan sebagai sokongan kepada bilik gerakan parti dan BN, katanya.

Beliau berkata, terdapat 220 petugas di bilik-bilik gerakan itu yang kebanyakannya menyumbang khidmat mereka secara sukarela bagi memastikan kemenangan BN.

Bilik gerakan itu yang mula beroperasi beberapa hari lepas akan dibuka 24 jam sehari.

Khalil yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang berkata, Menteri Besar Pahang Datuk Adnan Yaakob telah diminta menghubungi semua calon Umno di negeri berkenaan.

Beliau berkata beliau akan menemui mereka yang digugurkan daripada senarai di negeri itu bagi memastikan mereka terus memberi sokongan kepada BN.

"Yang bertanding ialah parti dan saya percaya mereka yang tidak dicalonkan sanggup untuk terus menyumbang tenaga kemenangan kepada BN," katanya.

Beliau berkata, Umno telah menyelesaikan semua senarai calon yang akan bertanding pada pilihan raya kali ini.

Katanya, negeri-negeri seperti Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak yang mempunyai keluasan besar dan sukar dihubungi diberi kebenaran untuk menghubungi bakal-bakal calon lebih awal.

-- BERNAMA

RZS NMO